




PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
OFFICE OF THE DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF HEALTH (PUBLIC HEALTH)  
DEPARTMENT OF PUBLIC HEALTH  
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA  
ARAS 8, BLOK E10, KOMPLEKS E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62590 PUTRAJAYA, MALAYSIA.



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008  
CERT NO : AR 3907

No. Tel : 03-8883 4022  
No. Fax : 03-8883 4030 / 4017



Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : KKM.600/29/4/134 ( 14 )  
Tarikh : 3 Februari 2016

## SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk / Dato' / Datu / To' Puan / Tuan / Puan,

### STATUS SEMASA KEJADIAN JANGKITAN PENYAKIT VIRUS EBOLA (EBOLA VIRUS DISEASE; EVD) DI AFRIKA BARAT

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk / Dato' / Datu / To' Puan / Tuan / Puan sedia maklum, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau perkembangan kejadian epidemik EVD di Afrika Barat, melibatkan negara Guinea, Liberia dan Sierra Leone. Justeru, sila rujuk 'Lampiran 1' mengenai status terkini bagi ketiga-tiga negara yang terlibat. Susulan itu, berdasarkan perkembangan semasa, pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengeluarkan kenyataan berikut:

*"Guinea, Liberia and Sierra Leone remain at high risk of additional small outbreaks of Ebola in the coming months due to the virus persisting in survivors after recovery."*

3. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datu / To' Puan / Tuan / Puan juga, mesyuarat kali ke-8 Jawatankuasa Kecemasan *International Health Regulations (8<sup>th</sup> IHR Emergency Committee Meeting)* mengenai EVD pada 18 Disember 2015 masih berpendapat bahawa situasi jangkitan EVD di Afrika Barat merupakan suatu *Public Health Emergency of International Concern (PHEIC)*.

4. Mengambil kira perkembangan semasa bagi kejadian jangkitan ini, sebagai rujukan pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datu / To' Puan / Tuan / Puan, bersama-sama ini dikemukakan definisi kes yang telah dikemaskini khususnya bagi *Person Under Investigation (PUI) for EVD* (rujuk 'Lampiran 2' dan 'Lampiran 3').

5. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datu / To' Puan / Tuan / Puan dipohon untuk meneruskan aktiviti kesiapsiagaan dan respons di peringkat masing-masing bagi menghadapi potensi jangkitan EVD di Malaysia sebagaimana yang telah digariskan melalui surat berikut:

a) Surat Edaran Ketua Pengarah Kesihatan bertarikh 29 September 2014 ruj. (19) dlm. KKM-171/BKP/16/72/1071;

b) Surat Edaran Ketua Pengarah Kesihatan bertarikh 19 Januari 2015 ruj. (8) dlm. KKM-171/BKP/16/72/1071 Jld. 3.


6. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datu / To' Puan / Tuan / Puan, kedua-dua dokumen seperti tersebut di atas boleh didapati melalui pautan <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/1234>. Begitu juga, pada ketika ini kedua-dua dokumen tersebut sedang menjalani proses kemaskini dengan mengambilkira perkembangan semasa bagi kejadian jangkitan terbabit.

7. Kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / Datu / To' Puan / Tuan / Puan adalah amat diperlukan bagi memaklumkan perkara ini kepada anggota berkaitan di bawah seliaan YBhg. Datuk / Dato' / Datu / To' Puan / Tuan / Puan. Perhatian pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datu / To' Puan / Tuan / Puan adalah amat diperlukan demi memastikan pencegahan dan tahap kawalan penyakit berkaitan, sentiasa berada ditahap yang optima pada setiap masa.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,



**(DATUK DR. LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN)**  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)